

# SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



**MPIC turun padang sebar maklumat komoditi** ▶ MUKA 3

**PIPOC 2017 bermula 14 November** ▶ MUKA 7



## MPIC sasar latih 78,000 tenaga kerja mahir menjelang 2020

➔ Pendekatan bagi perkasa modal insan sektor komoditi

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad  
watie@mpob.gov.my

■ Teluk Intan

Sebanyak 78,000 tenaga kerja berkemahiran dalam sektor komoditi disasar akan dilatih menjelang tahun 2020 oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) melalui Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC).

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong ketika berucap menutup program Roadshow Seminar Keperluan Latihan Kemahiran Dalam Memperkasakan Modal Insan di Sektor Komoditi Sawit, di sini baru-baru ini berkata, pada masa ini sektor perladangan sawit khususnya sangat bergantung kepada tenaga kerja atau sumber manusia.

Katanya, satu daripada pendekatan bagi mengurangkan kebergantungan kepada tenaga

kerja ialah dengan menggalakkan penggunaan mekanisasi dan pada masa sama melatih belia tempatan untuk bekerja sebagai pengendali jentera perladangan.

### Kursus jangka pendek, panjang

“Dalam hal ini, IMPAC yang ditubuhkan pada 2010 menyasarkan untuk melatih purata 7,800 peserta setiap tahun melalui pusat latihan di bawah enam agensi MPIC. Latihan yang ditawarkan IMPAC merangkumi kursus jangka pendek dan jangka panjang sehingga peringkat diploma.

Katanya, antara fokus utama kursus dan latihan yang ditawarkan oleh IMPAC adalah pendehalan penggunaan jentera mekanisasi secara ‘hands-on’. Peserta dibimbing dan diberi pengalaman sewajarnya.

“Melalui penggunaan jentera dan teknologi perladangan, saya yakin imej dan persepsi negatif kerja ladang iaitu 3D – dirty (kotor), difficult (sukar) dan dangerous (berbahaya) tidak wujud lagi dan diganti dengan 3S – selamat, senang dan seronok.

Tambah beliau, komitmen pihak pengurusan ladang penting untuk meningkatkan penggunaan jentera terutama untuk aktiviti pemungutan buah tandan segar di ladang.

“Penggunaan jentera terbukti dapat meningkatkan produktiviti dan mengurangkan penggunaan



Siew Keong bersama belia tempatan yang menyertai seminar di Teluk Intan, Perak.

tenaga kerja sehingga 40 peratus berbanding secara manual.

“Bagi membantu sektor perladangan membeli peralatan jentera, kerajaan di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11) menyediakan peruntukan berjumlah RM4.5 juta untuk subsidi sehingga 20 peratus di bawah OPIMIS (Oil Palm Industry Mechanization Incentive Scheme).

### Peruntukan RM30 juta

Selain itu, RM30 juta turut diperuntukkan bagi menggalakkan dan membiayai aktiviti penyelidikan berkaitan mekanisasi oleh institusi penyelidikan tempatan dan antara-bangsa di bawah Dana Mekanisasi Sawit.

“Melalui penyelidikan yang berterusan, diharap lebih banyak jentera yang kompetitif dapat direka cipta dan diguna pakai bagi mengurangkan penggunaan buruh.

Jerayawara seminar ini adalah kerjasama antara dua kementerian iaitu Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) melalui MPOB dan Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia.



Dalam hal ini, IMPAC yang ditubuhkan pada 2010 menyasarkan untuk melatih purata 7,800 peserta setiap tahun melalui pusat latihan di bawah enam agensi MPIC. Latihan yang ditawarkan IMPAC merangkumi kursus jangka pendek dan jangka panjang sehingga peringkat diploma”

**Mah Siew Keong,**  
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Ianya dimulakan di Sabah iaitu di Lahad Datu dan Sandakan pada 5 dan 7 Ogos lalu dan diteruskan ke Sarawak di Saratok dan seterusnya di Sibul pada 13 September 2017. Seminar siri kelima di Teluk Intan, Perak adalah yang terakhir dalam siri jelajah berkenaan.

Majlis penutup siri jelajah seminar itu turut dihadiri Ketua Setiausaha MPIC, Datuk K. Yogeessvaran dan Ketua Pengarah MPOB yang juga Pengerusi IMPAC, Dr. Ahmad Kushairi Din.

Dr. Kushairi dalam ucapan aluan berkata, belia tempatan diseru merebut peluang dan menyertai kursus yang dianjurkan IMPAC untuk mendapatkan latihan dalam bidang kemahiran tertentu yang ditawarkan.

“Pelbagai peluang disediakan dalam membantu para belia dan skim yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam mengiktiraf pekerja mahir dan separa mahir.

Katanya, melalui peluang yang ditawarkan, belia dapat memanfaatkan pengalaman dan kemahiran untuk peningkatan kerjaya dan secara tidak langsung membuka peluang masa depan lebih baik.



**Sumbangan** sektor komoditi termasuk industri sawit negara adalah amat besar. Kemajuan industri sawit dalam semua sektor telah menjana pertumbuhan ekonomi negara. Produk minyak sawit dan keluarannya yang dieksport ke lebih 150 buah negara turut diusahakan oleh pekebun kecil yang meliputi 40 peratus pengeluarannya. Keluasan tanaman sawit negara mencecah 5.74 juta hektar.

Industri sawit yang merupakan tunggak sektor komoditi negara menyedia sumber ekonomi dan pendapatan kepada hampir 650,000 pekebun kecil yang telah menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi dan taraf hidup.

Berdasarkan kepentingan sektor berasaskan pertanian sebagai pemacu pembangunan ekonomi luar bandar, Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2018 telah mengumumkan peruntukan dan insentif bagi pembangunan sektor pertanian yang memberi manfaat kepada pekebun kecil.

Sejumlah RM140 juta diperuntukkan bagi sektor pekebun kecil sawit yang meliputi peningkatan produktiviti penanaman sawit dan usaha promosi minyak sawit bagi meningkatkan pasaran. Peruntukan ini akan memberi manfaat kepada industri sawit terutama pekebun kecil.

Pembangunan sektor pekebun kecil sawit telah diberi tumpuan melalui transformasi ekonomi di bawah pelaksanaan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Kerajaan menyedia peruntukan kewangan, bantuan dan insentif untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil. Bantuan yang disediakan termasuk bagi tanam semula dan tanam baharu sawit yang merangkumi bekalan anak benih sawit berkualiti, penyediaan kawasan, baja dan racun serta khidmat nasihat oleh MPOB.

Bagi memaksimumkan penggunaan kawasan tanaman sawit dan menjana pendapatan tambahan kepada pengusaha ladang dan pekebun kecil, Kerajaan menyediakan skim insentif integrasi tanaman serta ternakan dengan sawit.

Bagi memastikan penyertaan pekebun kecil dalam pengeluaran sawit mampan melalui pematuan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO), pekebun kecil akan dibantu melalui bantuan kewangan untuk pematuan pensijilan dan melaksanakan Amalan Pertanian Baik. Insentif kepada pekebun kecil melalui pelaksanaan Skim MSPO merangkumi yuran pengauditan sijil, yuran pemantauan tahunan, kos penstoran, peralatan perlindungan diri, latihan serta dokumentasi.

Kementerian dan MPOB telah mengambil inisiatif melalui pemberian insentif dan bantuan kewangan bagi menggalakkan penglibatan dan penyertaan pekebun kecil dalam gerakan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) yang ditubuhkan di seluruh negara. Dengan peningkatan produktiviti dan kualiti hasil buah tandan segar, pekebun kecil mendapat pulangan harga jualan buah tandan segar yang lebih tinggi melalui jualan terus ke kilang memproses buah sawit.

Bagi meningkatkan penyebaran maklumat perkembangan penyelidikan dan teknologi dalam semua aspek sawit di peringkat global, MPOB akan menganjurkan Kongres dan Pameran Minyak Sawit Antarabangsa atau International Palm Oil Congress (PIPOC) 2017 yang akan berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 14 - 16 November 2017.

PIPOC merupakan persidangan antarabangsa minyak sawit terbesar yang meliputi penganjuran lima persidangan serentak dan pameran yang melibatkan lebih 340 ruang pameran adalah forum yang strategik untuk interaksi dan perbincangan mengenai inovasi dan perkembangan terkini industri sawit global.

Bertemakan *Treasuring the Past, Charting the Future*, PIPOC 2017 bersedia menerima kunjungan lebih 8,000 pengunjung dan peserta persidangan daripada 52 buah negara yang meliputi pempamer dan pengunjung yang terbabit dalam pelbagai rangkaian aktiviti industri sawit.

PIPOC 2017 melibatkan pembentangan lebih 120 kertas kerja oleh pakar dalam industri sawit dan saintis yang akan membentangkan penemuan hasil penyelidikan dan pandangan serta idea bagi kemajuan industri minyak sawit global. PIPOC 2017 juga menampilkan 250 poster oleh penyelidik meliputi pelbagai aspek industri sawit.

PIPOC 2017 akan memberi peluang kepada para peserta untuk mendapatkan maklumat terkini pembangunan industri sawit negara dalam bidang masing-masing.

[kushairi@mpob.gov.my](mailto:kushairi@mpob.gov.my)



**MINDA**  
Dr Ahmad  
Kushairi Din

Ketua Pengarah  
MPOB



**Siew Keong berucap ketika merasmikan Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan Persatuan Kebun-Pekebun Kecil Malaysia (NASH) Ke-21 di Ibu Pejabat MPOB, di Bangi, baru-baru ini.**

# Pekebun kecil penting dalam sektor komoditi

➔ Kerajaan melalui MPIC terus beri sokongan, insentif pertingkat hasil tanaman

Oleh **FadzilGhazali**  
[afadzilg@mpob.gov.my](mailto:afadzilg@mpob.gov.my)

➔ **Bangi**

**K**erajaan melalui Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) akan terus memberi sokongan kepada pekebun kecil di seluruh negara berikutan pentingnya peranan mereka dalam sektor komoditi.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, berkata golongan pekebun kecil komoditi menguasai hampir 40 peratus daripada jumlah keluasan tanaman sektor komoditi negara.

"Seluas 2.7 juta hektar tanaman komoditi diusahakan pekebun kecil terancang dan persendirian. Seluas 1.96 juta hektar ditanam dengan sawit, manakala 748,000 hektar ditanam getah dan selebihnya ditanam koko serta lada.

"Berdasarkan jumlah keluasan itu, ternyata sumbangan pekebun kecil kepada industri komoditi negara amat besar. Hasil tanaman ini adalah sebahagian daripada sumber bahan mentah untuk dihasilkan sebagai produk komoditi yang dieksport Malaysia ke serata dunia," katanya merasmikan Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia (NASH) Ke-21 di Ibu Pejabat MPOB, di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Presiden NASH, Datuk Aliasak Ambia; Timbalan Ketua Pengarah MPOB, Mohamad Nor

Abdul Rahman, Ahli Majlis Tertinggi NASH dan perwakilan NASH.

Siew Keong berkata, terdapat lebih sejuta pekebun kecil dan NASH mempunyai keahlian 200,000 pekebun kecil.

Katanya, ini bermakna satu daripada lima pekebun kecil di Malaysia adalah pekebun kecil yang menjadi ahli NASH.

**Pelbagai bentuk bantuan**

Beliau berkata, pelbagai bentuk bantuan dan insentif disediakan kerajaan melalui MPIC dan agensi di bawahnya supaya tanaman komoditi terus menjadi pilihan pekebun kecil.

"Untuk sektor sawit, melalui Skim Tanam Baru Sawit dan Skim Tanam Semula Sawit, bantuan disediakan kepada pekebun kecil merangkumi pemberian anak benih sawit, penyediaan kawasan, baja dan racun rumpai bernilai RM7,500 di Semenanjung, manakala RM9,000 untuk pe-

kebun kecil di Sabah dan Sarawak.

"Selain itu, kerajaan juga menyediakan bantuan menambah pendapatan pengusaha tanaman sawit melalui Skim Integrasi Tanaman dengan Sawit dan Skim Integrasi Ternakan dengan Sawit," katanya.

**Wajib dapat pensijilan MSPO**

Siew Keong berkata, bagi memastikan Malaysia terus menjadi negara contoh terhadap amalan pertanian yang mesra alam sekitar, kerajaan membuat keputusan supaya semua ladang dan kilang sawit di seluruh negara diwajibkan mendapat pensijilan MSPO.

Beliau berkata, kerajaan menyediakan bantuan dan insentif kepada pekebun kecil dengan menampung yuran pengauditan persijilan, yuran pemantauan tahunan, kos penstoran racun perosak dan baja, peralatan perlindungan peribadi, latihan serta dokumentasi.

"Pada masa sama, saya juga mengarahkan Kementerian, MPOB dan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) untuk bekerjasama dengan NASH mempromosikan MSPO serta memudahkan pensijilan MSPO kepada pekebun kecil," katanya.

Selain insentif dan bantuan ini, terdapat juga bantuan kerajaan lain seperti Skim Diskaun Cantas sebanyak RM1,000; Geran Permulaan bagi penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) bernilai RM40,000 dan banyak lagi.

Sementara itu, Siew Keong berkata, ahli KPSM bakal menikmati harga jualan kira-kira RM25 lebih tinggi bagi setiap satu tan berbanding jualan melalui peniaga buah sawit berlesen.

"Kerajaan amat menghargai usaha dan pengorbanan pekebun kecil. Pelbagai insentif dan bantuan serta usaha penambahbaikan perkhidmatan yang saya jelaskan adalah tanda keprihatinan kerajaan terhadap pekebun kecil," katanya.

**Mah Siew Keong,**  
Menteri Perusahaan  
Perladangan dan Komoditi



# MPIC turun padang sebar maklumat komoditi

Beri peluang pengunjung berinteraksi dengan agensi MPIC

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad  
watie@mpob.gov.my

Lahad Datu

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) turun padang bagi menyebarkan maklumat berkaitan komoditi dengan penduduk setempat melalui program Hello Komoditi yang diadakan di Felda Sahabat di sini, baru-baru ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur ketika berucap merasmikan program itu berkata, Hello Komoditi memberi ruang dan peluang kepada pe-

ngunjung berinteraksi secara terus dengan agensi di bawah MPIC.

Katanya, program itu menyediakan pelbagai maklumat berkaitan komoditi yang boleh diperolehi oleh pihak industri, pelajar dan orang ramai.

Menyentuh berkaitan sektor komoditi, beliau berkata sumbangan sektor itu kepada pendapatan negara amat signifikan. Pada 2017, bagi tempoh Januari hingga Julai pendapatan eksport komoditi mencecah RM81.5 bilion.

Katanya, selari dengan moto 'Komoditi Teguh Ekonomi Kukuh', MPIC komited meneruskan pembangunan sektor komoditi negara ke arah yang lebih cemerlang.

"Saya yakin melalui pelbagai program dan aktiviti yang dirancang, sasaran pendapatan eksport



Datuk Datu Nasrun Datu Mansur bersalaman dengan orang ramai yang menghadiri program Hello Komoditi Lahad Datu

produk komoditi berjumlah RM242.6 bilion di bawah Dasar Komoditi Negara dapat dicapai menjelang tahun 2020.

## Tunggak ekonomi

Tambah beliau, sawit sering mendapat perhatian penting kerajaan kerana menjadi tunggak ekonomi sektor komoditi negara di samping menyediakan peluang pekerjaan kepada sebahagian besar penduduk luar bandar terutama pekebun kecil sawit.

"Kerajaan memberi perhatian khusus kepada kemajuan pekebun kecil sawit supaya pengeluaran hasil dan produktiviti buah sawit berkualiti dapat ditingkatkan yang seterusnya menjana peningkatan pendapatan.

Peningkatan produktiviti sawit dapat dicapai antaranya melalui Amalan Baik Pertanian yang membabitkan penggunaan benih berkualiti tinggi, teknik pembajaan, kawalan rumpai, kawalan perosak dan penyakit serta kaedah penuaian yang cekap.

"Justeru kerajaan menggalakkan penggunaan jentera mekanisasi ladang bagi meningkatkan produktiviti terutama dalam aktiviti penuaian dan pemungutan buah tandan segar.

Katanya, kerajaan melalui MPOB menyediakan insentif bagi pembelian jentera perladangan sawit melalui Skim Insentif Jentera Perladangan Sawit (Oil Palm Industry Mechanization Incentive Scheme - OPIMIS) bagi meningkatkan produktiviti sek-

tor perladangan sawit negara.

"Skim ini menawarkan subsidi sehingga 20 peratus daripada harga jualan jentera dan peralatan.

Katanya lagi, dalam usaha melestarikan industri sawit, Malaysia memperkenalkan pensijilan Minyak Sawit Mampam Malaysia (MSPO) iaitu piawaian mengenai amalan terbaik bermula daripada penanaman pokok sawit hingga pemrosesan dan penyimpanan minyak sawit.

MSPO akan dilaksanakan secara berperingkat dan akan menjadi mandatori menjelang akhir Disember 2019.

"Bagi meningkatkan kesedaran mengenai pelaksanaan MSPO, MPIC akan menganjurkan lebih 60 taklimat dan siri jelajah di kalangan pekebun kecil sawit," katanya.

# 2 pusat timbang koperasi sawit Sabah dirasmikan

Oleh Nazirah Che Jaafar  
nazirah@mpob.gov.my

Sabah: Dua pusat timbang masing-masing milik Koperasi Penanam Sawit Mampam (KPSM) Daerah Tongod Sabah Berhad dan KPSM Daerah Keningau Sabah Berhad dirasmikan, baru-baru ini.

Pembinaan pusat timbang oleh KPSM menggunakan peruntukan dana kerajaan sebanyak RM200,000 di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) iaitu bagi KPSM membina pusat timbang untuk melaksanakan jualan buah tandan segar (BTS) secara berkelompok.

Penubuhan KPSM adalah antara strategi kerajaan menghimpunkan pekebun kecil dalam satu kelompok dan melaksanakan jualan BTS terus ke kilang tanpa melalui orang tengah.

Pusat timbang KPSM Daerah Tongod Sabah Berhad dirasmikan Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur pada 5 Oktober lalu di Dewan Serbaguna Kampung Simpang Entilibon, Tongod.

Dalam ucapan perasmian, beliau



Datuk Nasrun menandatangani plak sebagai simbolik perasmian pusat timbang KPSM Daerah Tongod Sabah Berhad.

beliau berkata, KPSM yang sudah melaksanakan jualan terus BTS ke kilang mencatatkan peningkatan harga jualan oleh pekebun kecil dianggarkan sebanyak RM50 satu tan atau 13 peratus berbanding sebelum melalui KPSM.

## Seru sertai keahlian KPSM

Beliau turut menyeru lebih ramai pekebun kecil menyertai keahlian KPSM bagi mendapat manfaat di-

sediakan kerajaan dan pulangan pendapatan lebih tinggi.

Bagi menambah pendapatan pekebun kecil, di bawah RMKe-11, kerajaan turut menyediakan Skim Insentif Integrasi Tanaman Dengan Sawit (ITa) dan Skim Insentif Integrasi Ternakan Dengan Sawit (ITe) untuk pekebun kecil yang disalurkan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

"Pelaksanaan skim ini bertujuan

menggalakkan pekebun kecil meningkatkan produktiviti dan pendapatan melalui penggunaan tanah secara optimum", katanya.

Majlis perasmian turut dihadiri Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuamut, Datuk Masiung Banah.

Sementara itu, pusat timbang KPSM Daerah Keningau Sabah Berhad dirasmikan Menteri di Jabatan

Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen Pensiangan, Tan Sri Joseph Kurup, sempena program Hello Sawit Pensiangan pada 8 Oktober lalu.

"Pekebun kecil disaran menjalin hubungan dan kerjasama dengan pegawai TUNAS MPOB bagi mendapatkan khidmat terutama mengenai penggunaan teknologi dan teknik baharu seperti penanaman dengan baka berkualiti, amalan pertanian baik serta penuaian buah sawit berkualiti yang akan meningkatkan produktiviti dan pendapatan," katanya ketika berucap di majlis perasmian Hello Sawit Pensiangan.

Beliau berkata, peruntukan hampir RM700,000 disediakan untuk pembinaan jambatan dan penyelenggaraan jalan masuk ke kebun bagi memudahkan pekebun terbabit membawa hasil mereka ke bandar untuk dijual.

"Antaranya, pembinaan jambatan di Kampung Johan Jaya Sook, penyelenggaraan jalan masuk ke kebun di Kampung Namadan Sook, penyelenggaraan jalan masuk ke kebun di Kampung Liposuk Sook dan penyelenggaraan jalan masuk ke kebun di Kampung Magatang Sook," katanya.



# MPOB kongsi maklumat bantuan, MSPO di Sarawak

➔ Segala program pembangunan organisasi kepada golongan sasar disokong

Oleh **Mohd Arfan Johari**  
arfan@mpob.gov.my

➔ **Kuching**

Satu taklimat berkaitan bantuan kerajaan kepada pekebun kecil sawit dan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) kepada Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sarawak

diadakan di sini, baru-baru ini.

Sesi taklimat dirasmikan Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Amar Douglas Uggah Embas itu turut dihadiri Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Uggah mengalu-alukan kedatangan Ahmad dan rombongan ke Sarawak serta menyokong segala program pembangunan yang dibawa MPOB kepada golongan sasar khususnya dan Sarawak amnya.

## Pastikan capai objektif

Beliau juga berharap pelaksanaan skim bantuan kepada pekebun kecil dipantau sehingga ke akar umbi supaya peruntukan kerajaan dapat disalurkan sebaik mungkin dan memberi manfaat kepada golongan penerima.

Mengenai pensijilan MSPO, ke-

rajaan negeri akan sentiasa memberi kerjasama kepada Kerajaan Persekutuan dalam memastikan pelaksanaannya mencapai objektif ditetapkan dan pihak industri di Sarawak tidak ketinggalan.

Sementara itu, Ahmad berkata, pelaksanaan Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) dan Tanam Semula Pekebun Kecil (TSSPK) diteruskan dengan tambahan peruntukan RM510 juta dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada sambutan ulang tahun ke-100 industri sawit negara.

“Selain itu, kerajaan turut memperkenalkan skim bantuan Integrasi Ternakan Dengan Sawit (ITE) dan Integrasi Tanaman Dengan Sawit (ITA),” katanya.

Ahmad turut menghadiri sesi taklimat Pensijilan MSPO bersama



**Ahmad dan Uggah pada majlis taklimat kepada Ahli Parlimen dan ADUN Sarawak di Kuching.**

60 pemilik ladang sawit persendirian di negeri ini. Sesi taklimat anjuran MPOB diadakan dengan kerjasama Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC).

## Kepentingan pensijilan MSPO

Ketika berucap merasmikan taklimat itu, Ahmad turut menyentuh kepentingan dan manfaat bakal diperoleh pihak ladang sawit apabila memperoleh pensijilan MSPO yang akan dimandatori pelaksanaannya pada Disember 2018 bagi pihak ladang dan Disember 2019 kepada pekebun kecil.

Katanya, pensijilan ini penting

bagi memastikan produk dihasilkan pihak industri khususnya dan Malaysia amnya sentiasa diterima pada peringkat pasaran antarabangsa.

Beliau turut menegaskan usaha penambahbaikan perlu dilakukan dari masa ke semasa terutama dari segi kemampanan.

“Kerajaan sangat prihatin dan bersetuju menyediakan insentif kepada pemilik ladang dengan keluasan 40.46 hingga 1,000 hektar layak menikmati 70 peratus insentif yang juga bayaran yuran audit ditanggung kerajaan,” katanya.

# Malaysia bantah Resolusi Parlimen Kesatuan Eropah

Oleh **Dr. Puah Chiew Wei**  
cwpuah@mpob.gov.my

**Brussels:** Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang juga Ahli Parlimen Jasin, Melaka, Datuk Seri Ahmad Hamzah mengetuai Lawatan Kerja mengenai Minyak Sawit ke Brussels, Belgium dari 14 hingga 21 Oktober 2017 lalu.

Lawatan kerja tersebut bertujuan menyatakan bantahan Malaysia terhadap Resolusi Parlimen Kesatuan Eropah yang menghubungkan industri sawit dengan penyahhutan hujan tropika.

Lawatan turut bertujuan memberi penerangan dan pemahaman mengenai pembangunan mampan industri sawit Malaysia serta memperkenalkan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang akan dilaksanakan secara mandatori.

Selain itu, lawatan juga bertujuan menyangkal tohmahan negatif yang dilemparkan terhadap industri sawit demi menjaga kesejahteraan dan daya saing industri sawit.

Lawatan kerja tersebut disertai lima Ahli Parlimen Malaysia iaitu Ahli Parlimen Simpang Renggam, Johor, Datuk Liang Teck Meng; yang juga Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN); Ahli Parlimen Putatan, Sabah, Datuk Dr. Marcus Mojigoh, yang juga merupakan Pengerusi Lembaga Koko Malaysia; Ahli Parlimen Kinabatangan yang juga Pengerusi Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Per-

sekutuan (FELCRA), Dato' Sri Bung Moktar Radi; Ahli Parlimen Padang Besar, Perlis yang juga merupakan Pengerusi Pihak Berkuasa Kemanusiaan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Datuk Ahmad Zahidi Zainul Abidin; Ahli Parlimen Kuala Kedah, Kedah, Dr. Azman Ismail; Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Dato' Sr. Dr. Azimuddin Bahari; Ketua Pengerah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dr. Ahmad Kushairi Din; dan Pengarah Sains dan Alam Sekitar Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Dr. Ruslan Abdullah.

## Mesyuarat dua hala

Lawatan kerja bermula dengan mesyuarat dua hala bersama Presiden Dewan Parlimen Persekutuan Belgium, Siegfried Bracke. Mesyuarat ini bertujuan menekankan pembangunan industri sawit Malaysia yang mampan dan mesra alam serta kepentingannya terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara.

Mesyuarat dua hala ini amat memberangsangkan dan dicadangkan supaya komunikasi yang lebih efektif perlu dilaksanakan. Ini termasuk interaksi berterusan dengan para penggubal dasar Kesatuan Eropah untuk memberi kesedaran demi menangani persepsi negatif terhadap minyak sawit.

Selain itu, mesyuarat dua hala di antara Ahli-ahli Parlimen Malaysia dengan Ahli-ahli Parlimen Eropah (Members of European Parliament –



**Ahli Parlimen Malaysia dan delegasi diketuai Datuk Seri Ahmad Hamzah dengan Presiden Dewan Parlimen Persekutuan Belgium, Siegfried Bracke (depan, tiga dari kiri).**

MEPs) turut diadakan melibatkan beberapa orang MEP termasuk Barbara Kappel, Fulvio Martusciello, Nicola Caputo, Sven Schulze, Peter Kouroumbashev, Inese Vaidere, Richard Ashworth and Ryszard Czarnecki.

Pertemuan dengan MEP memberi peluang kepada Ahli Parlimen Malaysia menekankan komitmen dan usaha yang dilaksanakan Malaysia secara amnya dan industri sawit secara khususnya dalam mengurangkan pelepasan gas rumah hijau bagi mitigasi pemanasan global dan perubahan iklim.

Ahli Parlimen Eropah memahami inisiatif Kerajaan Malaysia dan pihak industri dalam pembangunan industri sawit yang mampan. Walau bagaimanapun, Malaysia dicadangkan untuk meningkatkan penyebaran fakta yang tepat dan

maklumat terkini mengenai usaha negara dalam menangani isu penyahhutan serta memastikan kemampanan industri sawit bagi menyuntik lebih keyakinan kepada para pengguna di Kesatuan Eropah.

Ini berikutan banyak kempen antiminyak sawit yang dilancarkan oleh organisasi bukan kerajaan (NGO) di rantau Eropah yang menggelirukan para pengguna.

Lawatan delegasi Malaysia turut mengadakan mesyuarat dengan beberapa jabatan penting yang terbabit dalam tenaga boleh diperbaharu, pembangunan mampan, alam sekitar, perubahan iklim, pertanian, pembangunan luar bandar dan perdagangan.

Pertemuan dengan penjawat awam Kesatuan Eropah adalah penting dan memberi peluang ke-

pada delegasi Malaysia menekankan prinsip-prinsip kemampanan yang diamalkan oleh industri sawit negara.

Di samping itu, pendekatan yang diambil oleh industri sawit negara untuk meningkatkan produktiviti tanaman sawit tanpa perlu membuka kawasan baharu memandangkan kekangan tanah yang sesuai untuk tanaman sawit juga dibincangkan.

## Mandatori laksana MSPO

Keputusan Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) secara mandatori mulai Disember 2019 juga dikongsi semasa mesyuarat dengan jabatan berkaitan.

Malaysia turut menggesa Suruhanjaya Eropah (European Commission – EC) mengiktiraf MSPO sebagai salah satu skim pensijilan yang menepati kehendak kemampanan Kesatuan Eropah.

Kerajaan Malaysia memberi jaminan bahawa semua penggiat industri sawit termasuk lebih 650,000 pekebun kecil sawit mematuhi piawaian kemampanan seperti yang digariskan dalam Skim Pensijilan MSPO.

Secara keseluruhannya, lawatan kerja ini membuktikan kesungguhan Malaysia dalam memastikan produk sawit dihasilkan secara mampan untuk pasaran global termasuk Kesatuan Eropah.

Pembangunan mampan adalah agenda penting Kerajaan Malaysia dan adalah usaha berterusan.



# MPOB, MEOA kongsi idea selesai isu perladangan

➔ Medan terbaik cari jalan penyelesaian, tukar pandangan

Oleh Dr Mohd Hefni Rusli  
mohd.hefni@mpob.gov.my

► Bangi

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Persatuan Pemilik Ladang Malaysia (MEOA) mengadakan forum bagi membincangkan isu berkaitan industri sawit, khususnya sektor perladangan di Ibu Pejabat MPOB di sini, baru-baru ini.

Forum dipengerusikan secara bersama oleh Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Presiden MEOA, Joseph Tek dan turut dihadiri Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din.

Forum disertai oleh 53 peserta

terdiri pemilik ladang sawit daripada seluruh Malaysia dan pegawai MPOB.

Datuk Seri Ahmad berkata, forum MPOB-MEOA 2017 menyediakan platform terbaik bagi membincangkan isu semasa yang dihadapi oleh industri sawit yang berkait langsung dengan MEOA.

Katanya, ia juga adalah medan terbaik untuk mencari jalan penyelesaian dan bertukar pandangan mengenai masalah atau isu dihadapi sektor perladangan khususnya ahli MEOA.

Joseph Tek pula berkata, forum ini memberi peluang pada MEOA dan MPOB bertukar maklumat dan berkongsi idea mengenai pe-



Datuk Seri Ahmad Hamzah  
mempengerusikan forum  
MPOB-MEOA.

nemuan baharu penyelidikan atau perkembangan terbaru dalam industri sawit.

Sebanyak enam isu dibincangkan sepanjang forum berkenaan meliputi isu pengambilan warga kerja asing, cukai, mekanisasi, serangga perosak dan penyakit tanaman, pensijilan minyak sawit mampan (MSPO), sektor perkilangan dan penguatkuasaan dan perlesenan.

## Masalah kurang tenaga buruh

Presiden MEOA berkata, industri sawit di Malaysia mengalami masalah kekurangan tenaga buruh yang mendesak dan memohon pihak MPOB dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi untuk memberi perhatian terhadap isu ini.

Masalah kekurangan tenaga buruh ini menyebabkan banyak pemilik ladang sawit di seluruh negara mengalami kerugian dari segi pungutan buah masak, pemang-

kasan pelepas lama dan kutipan buah lerai.

Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din, berkata pihak MPOB sentiasa bekerjasama dengan pihak industri dan agensi kerajaan yang lain bagi mengatasi isu berkenaan dan MPOB komited untuk membantu pihak industri melalui kerjasama yang berterusan dengan semua pihak.

Beliau juga berkata, bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh, MPOB kini giat menjalankan kerjasama dengan syarikat tempatan dan antarabangsa bagi memperkenalkan teknologi dan inovasi baharu bagi membantu peladang sawit di seluruh negara.

MPOB juga sedang menganjurkan pertandingan reka cipta mekanisasi sawit antarabangsa kali ketiga dengan hadiah berjumlah AS\$1 juta ditawarkan kepada pemenang utama.

MPOB juga memaklumkan ke-

rajaan memperuntukkan dana RM30 juta untuk menggalakkan aktiviti dan penggunaan mekanisasi di ladang sawit di seluruh negara.

Isu berkaitan dengan manual pengredan buah tandan segar dan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) turut dibincangkan pada forum ini.

Dr Kushairi menjelaskan bahawa bermula daripada 2016, MPOB menguatkuasakan larangan penerimaan buah sawit yang belum matang untuk mengelakkan berlaku pembaziran kepada para pekebun kecil.

Kadar pengekstrakan minyak daripada buah sawit yang tidak matang adalah kurang berkualiti berbanding buah sawit matang.

Dalam pada itu, 20 kilang memproses buah sawit sudah mendapat akreditasi di bawah skim pensijilan MSPO di samping 75 estet dan 22 pekebun kecil persendirian dan tersusun.

# MTecS Mesir sedia ruang kerjasama

Oleh Isa Mansor dan Hisham Hussain  
ibm@mpob.gov.my dan  
hishamhussain@mpob.gov.my

**Kaherah:** Seminar teknikal bertemakan fitonutrien dan produk lelembak berasaskan sawit anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan kerjasama Universiti Ain Shams di sini, baru-baru ini, mendapat sambutan menggalakkan dengan kehadiran lebih 115 peserta.

Seminar Teknikal MPOB (MTecS) Mesir 2017 yang dirasmikan Dekan Fakulti Pertanian Universiti Ain Shams, Dr Ahmad Galal, turut dihadiri Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din.

Seminar itu berjaya menarik minat peserta daripada agensi kerajaan, pihak industri minyak dan lemak Mesir yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai perkembangan eksport minyak sawit Malaysia ke negara berkenaan.

Selain itu, wakil Pusat Penyelidikan Makanan Mesir dan penyelidik daripada universiti terkemuka

Mesir turut hadir untuk mendapatkan maklumat terperinci berkaitan kemajuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) membabitkan produk sawit, terutama produk nilai tambah hasil daripada R&D yang dijalankan MPOB di Malaysia dan seluruh dunia.

Dr Ahmad dalam ucapan perasmiannya berkata, kedatangan pihak terbabit menunjukkan minat mereka dalam memajukan industri minyak dan lemak di negara berkenaan, selain ingin mendapat maklumat lebih terperinci dan mendalam berkenaan perkembangan terkini R&D dan potensi pasaran industri sawit Malaysia.

## Perluas pasaran produk sawit

Katanya, program seumpama ini dapat memperkembangkan lagi pasaran produk sawit Malaysia di Mesir dengan mempromosikan produk sawit secara pendekatan teknikal hasil R&D dijalankan MPOB.

"Saya berharap dengan adanya usaha seperti ini yang dijalankan MPOB, ia dapat memberi maklumat teknikal lebih komprehensif



Dr Kushairi ketika menyampaikan ucapan di MTecS Mesir 2017.

kepada peserta, seterusnya meningkatkan pengetahuan mengenai minyak sawit Malaysia dan pelbagai produk dihasilkan daripada sawit.

"Program ini juga penting dalam memberi kesedaran mengenai khasiat pemakanan minyak sawit, selain kepelbagaian aplikasi sawit dalam proses pembuatan makanan berasaskan sawit," katanya.

Sementara itu, Dr Kushairi dalam ucapan beliau menyatakan penghargaan dengan kerjasama diberikan Universiti Ain Shams yang amat berminat dengan industri sawit Malaysia.

"MPOB mengadakan beberapa kerjasama dengan universiti terkemuka di Mesir dan agensi ke-

rajaan dalam bentuk seminar, program latihan dan kerjasama penyelidikan.

"Pada tahun lalu, MPOB mengadakan seminar di universiti ini dan saya berharap kerjasama ini dapat diteruskan ke peringkat lebih tinggi dalam memajukan sektor minyak serta lemak berasaskan sawit di Mesir.

"Universiti Ain Shams membawa reputasi yang baik bersama-sama dengan pencapaian akademik luar biasa. MPOB sebagai wakil industri sawit Malaysia sentiasa memberi perhatian kepada program R&D dan perkhidmatan, sejajar dengan misi kami untuk meningkatkan kesejahteraan sektor sawit Malaysia melalui penyetudi-

kan, pembangunan serta perkhidmatan yang terbaik," katanya.

Empat kertas kerja berhubung industri sawit Malaysia, produk nilai tambah berasaskan sawit dan kebaikan khasiat pemakanan produk sawit dibentangkan pada seminar berkenaan.

Dr Kushairi dalam pembentangannya berkata, sawit adalah industri yang penting kepada Malaysia dan banyak membantu membangunkan ekonomi negara.

Katanya, MPOB juga melaksanakan beberapa inisiatif melalui aktiviti khidmat nasihat teknikalnya bagi meningkatkan hubungan perdagangan dua hala di antara Malaysia dan Mesir.



# Inovasi teknologi mesin kumpul buah sawit relai

➔ Mesin jimatkan masa, kos menuai, mudah dikendali

Oleh Siti Nurhajar Mariam Wan Jaafar nurhajar@mpob.gov.my

Pemungutan buah sawit relai di ladang sawit mengambil masa dan dianggarkan 30 peratus masa perlu untuk mengutip buah relai daripada keseluruhan masa menuai serta mengangkut tandan ke tepi jalan.

Kerja memungut buah sawit relai bukan sukar tetapi aktiviti ini meletihkan kerana buah leri ini biasanya berselerak di bawah pokok dan perlu dikumpulkan dengan tangan atau pencakar sebelum diisi dalam beg plastik.

Kerja ini memerlukan pekerja berada pada kedudukan tidak selesa iaitu mencangkung atau membongkok dalam waktu yang lama untuk mengutip buah sawit terleri.

Ini boleh menimbulkan ketidakefektifan kepada pekerja seperti

sakit belakang dan ditambah jika kawasan ladang luas serta berbukit.

Kos upah mengutip buah sawit relai adalah rendah iaitu RM1.50 hingga RM3 untuk setiap guni yang dikutip pada purata berat 25 kilogram seguni. Kadar upah ini akan berkurangan jika buah dikutip bercampur dengan sampah.

Mengutip buah sawit relai memerlukan tempoh masa lama yang mana masa akan bertambah jika buah relai berada dalam kedudukan lebih berselerak dan berjauhan.

## Mampu elak sakit belakang

Berdasarkan fakta di atas, pegawai penyelidik daripada Unit Mekanisasi Perladangan, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Abd Rahim Shuib berjaya menghasilkan alat pengutip buah sawit relai yang mudah dan mampu mengelakkan sakit belakang.

Teknologi dicipta ini khusus untuk mengutip buah sawit relai yang berselerak di pangkal pokok selepas aktiviti penuaian dengan pembaharuan yang lebih efisien.

Kerja mengutip buah relai oleh mesin ini menggunakan kaedah sedutan berasaskan konsep angin yang kuat (taufan) untuk 'mengangkat' buah relai di atas permukaan tanah.

Buah relai disedut masuk ke



Mesin pengumpul buah sawit relai hasil inovasi MPOB.

dalam bekas berbentuk silinder atau tong bersama sampah bergerak dalam bentuk pusingan di dalam bekas ini dan ketika proses putaran, campuran buah relai dan sampah yang disedut akan terasing.

Teknologi ini turut mampu memisahkan buah relai yang terkumpul dan serpihan sampah menjadi dua bahagian di dalam ruang penyedut, sekali gus mengumpulkan buah sawit relai tanpa sebarang bendasing di dalam tong pengumpul.

Teknologi ini ternyata lebih cekap, pantas dan mudah untuk dikendalikan pengusaha sawit.

Mesin ini dilengkapi ruang penyimpanan sementara sebelum dipindahkan kepada bekas simpanan yang lebih besar yang mampu menanggung beban buah relai sehingga 500 kilogram.

## Jimat masa

Selepas buah mencapai berat 500 kilogram, pekerja akan mengangkat dan membawa buah relai kepada sistem pengangkutan utama seperti lori pengangkut sawit atau tong penyimpanan yang lebih besar.

Berdasarkan kajian lapangan yang dilakukan, teknologi ini mampu mengumpul secara purata

1,500 hingga 2,000 kilogram buah sawit relai sehari.

Selain menjimatkan masa dalam aktiviti penuaian, pekerja tidak perlu membongkok berulang kali untuk mengutip buah relai kerana pengendalian mesin ini hanya boleh dilakukan sambil berdiri.

Ia juga dapat mengurangkan beban ditanggung pekerja apabila tidak lagi perlu menggalas beg mengandungi buah relai, selain alatan penuaian lain.

Teknologi ini sedia untuk dikomersialkan oleh pihak industri dan dipamer pada Seminar dan Pameran Pemindahan Teknologi 2017 anjuran MPOB, Julai lalu.

## Fakta nombor

2,000 KILOGRAM buah sawit relai mampu dikumpul sehari

## RM3 KOS

upah kutip buah sawit relai setiap guni

# PIPOC 2017 bermula 14 November

Oleh Fadzil Ghazali afadzilg@mpob.gov.my

**Bangi:** Kongres antarabangsa industri sawit terbesar anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), International Palm Oil Congress and Exhibition (PIPOC 2017) akan diadakan pada 14 hingga 16 November ini di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).

Bertemakan Menghargai Masa Silam, Merancang Masa Hadapan (Treasuring the Past, Charting the Future), PIPOC 2017 dijangka dikunjungi lebih 8,000 pengunjung dari 52 negara termasuk peserta, pempamer dan pelawat yang terbabit dengan pelbagai rangkaian aktiviti industri ini.

## Buka topik perbincangan

Pakar industri sawit dan saintis akan membentangkan pandangan serta hasil penyelidikan masing-masing di PIPOC 2017 yang akan memantapkan lagi kongres dianjurkan dua tahun sekali itu.

Lebih 120 kertas kerja dan 250 poster berkaitan industri sawit oleh saintis bidang sawit terkemuka dan tokoh serta pakar dalam dagangan minyak sawit akan membentangkan bahan masing-masing di PIPOC 2017.

Lima persidangan akan diadakan serentak ketika PIPOC 2017 berlangsung dan ini membuka topik perbincangan untuk perjumpaan tiga hari ini.

## Pengetahuan, perkhidmatan

Persidangan ini menyediakan platform terbaik untuk berbincang, berbahas dan memaklumkan delegasi PIPOC 2017 mengenai pelbagai bidang industri sawit termasuk isu ekonomi dan pemasaran serta trend pergerakan harga.

Pameran perdagangan dengan 347

ruang pameran turut menjadi sebahagian daripada PIPOC 2017 menyediakan ruang untuk delegasi kongres bertemu dan berbincang mengenai produk, teknologi serta inovasi terbaru dalam industri sawit.

Delegasi PIPOC 2017 juga akan dapat mendalami pengetahuan mengenai perkhidmatan berkaitan dengan industri sawit serta industri lemak dan minyak antarabangsa.

## Hala tuju

PIPOC 2017 turut menyediakan satu platform khas sebagai tanda meraihan sambutan 100 tahun industri sawit Malaysia dan membincangkan tema PIPOC 2017 secara lebih mendalam lagi melalui Evening Forum.

## Info

**Tema Menghargai Masa Silam, Merancang Masa Hadapan (Treasuring the Past, Charting the Future), PIPOC 2017**

➔ **Dijangka** dikunjungi lebih 8,000 pengunjung dari 52 negara termasuk peserta, pempamer dan pelawat yang terbabit dengan pelbagai rangkaian aktiviti industri ini.

Forum ini memberi ruang pemimpin industri sawit mengimbas kembali kejayaan industri dan berbincang mengenai hala tuju industri sawit negara pada masa depan.

Empat kertas kerja akan dibentangkan pada sesi petang oleh Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din dengan tajuk 100 Years of Oil Palm Saga; Naib Pengerusi dan Ketua Pengarah Eksekutif United Plantations Berhad, Datuk Carl Bek Nielsen (Oil Palm Economic Growth and Sustainability); Pengerusi LMC International Ltd, Dr James Fry (Economic and Market Outlook for the Palm Oil Industry) dan pakar perubahan, Dr Azman Ismail dengan tajuk Palm Oil and Health.

# Biodiesel B10 mula digunakan syarikat pengangkutan milik FGV

Oleh Nursyairah Abd Jalil nursyairah@mpob.gov.my

**Klang:** FELDA Global Ventures Holding (FGV) melalui syarikat Felda Transport Services Sdn Bhd (FTSSB) mula menggunakan biodiesel B10 yang mengandungi adunan 10 peratus biodiesel sawit dengan 90 peratus petroleum diesel pada dua unit trak milik syarikat berkenaan.

Majlis perasmian penggunaan B10 oleh FTSSB diadakan pada 16 Oktober lalu dan disempurnakan Ketua Pegawai Eksekutif FTSSB, Idrus Pilius bersama-sama Setiausaha Bahagian Biobahan Api, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Ahmad Farid Mohammed serta Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidma-

tan), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Mohamad Nor Abd Rahman.

Majlis penyempurnaan dimulai dengan pengisian B10 pada trak, diikuti penampalan pelekat B10 dan 'flag off' menandakan penggunaan B10 secara rasmi untuk kenderaan terpilih oleh FTSSB.

Secara keseluruhan, FTSSB memperuntukkan empat unit trak jenama Volvo bagi penghantaran minyak sawit (dua unit) dan perkhidmatan kargo seperti penghantaran buah sawit serta baja (dua unit).

Trak sawit dan kargo itu masing-masing digunakan selama 11 tahun dan tujuh tahun. Jumlah trak (sawit dan kargo) yang beroperasi di FTSSB depoh Pelabuhan Klang adalah sebanyak 91 unit.

Projek penggunaan B10 dengan

syarikat pengangkutan seperti FTSSB adalah satu daripada projek Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Sawit di bawah Projek Permulaan (Entry Point Project) EPP7: Mengomersialkan Biobahan Api Generasi Pertama dan Kedua.

## Tingkat kesedaran awam

NKEA adalah sebahagian daripada Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang menjadi agenda penting dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP).

MPOB juga sedang merancang dan menjalankan projek penggunaan B10 dengan syarikat pengangkutan lain seperti SOP Transport Sdn Bhd, Prasarana / Rapid KL dan Alam Flora.

Projek penggunaan B10 bertujuan meningkatkan pendedahan peng-

guna fleet untuk menggunakan B10 dan meningkatkan kesedaran awam, selain mengumpul data teknikal bagi membuktikan penggunaan B10 tidak mendatangkan masalah pada enjin.

Usaha sama dengan pihak FTSSB menunjukkan sokongan syarikat pengangkutan terhadap industri sawit negara.

Di atas keyakinan B10 tidak mendatangkan masalah pada enjin, MPOB sentiasa mengalu-alukan penyertaan syarikat pengangkutan lain bagi mencuba dan mempromosikan B10.

Pelaksanaan program biodiesel bukan saja membantu industri sawit negara, malah merealisasikan aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia negara yang menyokong inisiatif hijau dalam pengurangan pelepasan gas rumah hijau.



'Flag off' penggunaan B10 oleh Felda Transport Services Sdn Bhd.

**100th ANNIVERSARY**  
MALAYSIAN PALM OIL INDUSTRY 1917-2017

**PIPOC 2017**  
MPOB INTERNATIONAL PALM OIL CONGRESS & EXHIBITION

**THE PREMIERE OIL PALM EVENT IS BACK**

**TREASURING THE PAST CHARTING THE FUTURE**

For more information, please contact:  
[pipec2017@mpob.gov.my](mailto:pipec2017@mpob.gov.my)  
or visit MPOB website at [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)

**14-16 NOVEMBER 2017**  
Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur, Malaysia

Book your place now to make sure you will be one of them



# POTS Ghana perkukuh jalinan ekonomi produk sawit Malaysia

➔ Beri penerangan menyeluruh maklumat penyelidikan, produk

Oleh Isa Mansor dan Hisham Bin Hussain  
ibm@mpob.gov.my dan hisham-hussain@mpob.gov.my

Accra

Seminar Perdagangan Minyak Sawit (POTS) Ghana 2017 anjuran bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) berlangsung di Hotel Mövenpick Ambassador Accra, Ghana pada 23 Oktober lalu.

POTS Ghana 2017 yang disertai lebih 300 peserta tempatan dan luar negara dirasmikan Pengerusi MPOC, Datuk Lee Yeow Chor dan turut dihadiri Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din serta Ketua Pegawai Eksekutif

MPOC, Dr Kalyana Sundram.

Yeow Chor dalam ucapannya berkata, POTS Ghana 2017 amat penting bagi mengukuhkan hubungan dua hala di antara Malaysia dan Ghana.

Beliau berkata, Ghana pada tahun ini menjadi antara negara pengimport minyak sawit Malaysia yang terbesar dan terpenting di benua Afrika dengan jumlah penduduk menjangkau 28 juta orang.

Katanya, minyak sawit menjadi pilihan utama di Ghana kerana harganya yang berpatutan, selain penggunaannya yang pelbagai terutama dalam sektor pembuatan makanan di negara berkenaan.

## Platform penting pelabur

“Jadi, POTS Ghana 2017 menjadi platform penting bagi pelabur kedua-dua negara untuk bekerjasama



Yeow Chor, Dr Kushairi dan Dr Kalyana pada majlis perasmian POTS Ghana 2017.

ma lebih rapat dalam industri ini.

“POTS Ghana 2017 yang bertemakan ‘Mewujudkan Jalinan Kerjasama, Mengoptimum dan Memperluaskan Pasaran Sawit di Rantau Afrika Barat’ juga membincangkan isu berkaitan minyak sawit seperti isu ekonomi semasa termasuk harga sawit dan cara penggunaan minyak sawit yang terkini dalam produk makanan,” katanya.

Yeow Chor berkata, seminar yang dijalankan juga penting dalam memberi penerangan secara menyeluruh berkaitan maklumat terkini dalam bidang ekonomi, pembangunan dan penyelidikan sawit.

“Saya amat berbesar hati kerana POTS Ghana 2017 berjaya menyediakan platform membeberangsangkan untuk mengukuh-

kan jalinan kerjasama perniagaan berasaskan sawit antara Malaysia dan Ghana.

“Menyedari betapa pentingnya Ghana sebagai rakan dagangan dan peranan Ghana sebagai pintu masuk ke Afrika Barat, ia amat bersesuaian dengan penganjuran POTS Ghana pada tahun ini,” katanya.

## Bangun sosioekonomi

Beliau berkata, acara ini bertujuan mengumpulkan pihak industri minyak sawit Malaysia yang mempunyai reputasi baik dengan pihak pengguna dan pembekal minyak serta lemak dari negara Afrika Barat.

Pada POTS Ghana 2017, Dr Kushairi turut membentangkan kertas kerja berhubung pembangunan industri sawit Malaysia dan kepen-

tingannya dalam sektor minyak dan lemak global.

Beliau berkata, industri sawit Malaysia adalah tunjang kepada hasil pendapatan ekonomi Malaysia dan menyumbang kepada ekonomi minyak serta lemak di Ghana.

Katanya, industri sawit juga menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi penduduk Malaysia yang mana transformasi kepada industri sawit berjaya dilaksanakan dan sektor sawit turut menawarkan banyak peluang pekerjaan bagi memenuhi permintaan tinggi semasa produk sawit Malaysia.

“Kita berharap penganjuran POTS Ghana 2017 ini dapat meningkatkan penggunaan dan penerimaan minyak sawit Malaysia di rantau Afrika Barat,” katanya.

# MPOB anjur program Negaraku Sawitku dekati pelajar

Oleh Siti Nurhajar Mariam Wan Jaafar  
nurhajar@mpob.gov.my

**Kajang:** Program Negaraku Sawitku mendapat sambutan menggalakkan dengan lebih 700 pengunjung membabitkan pelajar sekolah menengah dan ibu bapa di sekitar daerah Hulu Langat menghadiri karnival di SMK Convent (M) Kajang itu.

Penganjuran Program Negaraku Sawitku yang julung kali diadakan menyediakan peluang kepada Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mendekati pelajar sekolah dan masyarakat setempat, selain menjadi wadah penyebaran maklumat mengenai industri sawit serta kegunaan dan keistimewaan produk sawit.

Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din berkata, penganjuran program ini juga satu penghormatan kepada SMK Convent (M) Kajang kerana terpilih sebagai sekolah pertama untuk Program Negaraku Sawitku itu.

Beliau berkata, pemilihan itu kerana lokasi sekolah yang berada di daerah Kajang dan berdekatan Ibu Pejabat MPOB.

“Program seumpama ini akan

dipanjangkan ke sekolah lain melalui jerayawara dan aktiviti menarik sebagai usaha pihak kerajaan serta MPOB meningkatkan kesedaran mengenai industri sawit dalam kalangan generasi muda terhadap industri ini,” katanya berucap merasmikan Program Negaraku Sawitku, baru-baru ini.

Katanya, walaupun tanaman sawit bukan berasal dari negara ini, Malaysia sudah mencipta nama dalam industri sawit global sebagai antara negara pengeluar dan pengeksport utama minyak sawit dunia.

## Sejarah amat menarik

“Perjalanan sejarah industri sawit amat menarik sekali. Berasal dari Afrika Barat dan datang ke rantau ini pada 1848, sawit kini bertapak teguh di Malaysia dan menjadi antara industri penyumbang pendapatan eksport utama untuk negara.

“Tahun lalu saja, pendapatan eksport daripada industri ini adalah RM67.6 bilion dan industri ini juga menyediakan peluang pekerjaan kepada dua juta orang termasuk 650,000 pekebun kecil.

“Sejajar matlamat pembangunan industri sawit, MPOB sentiasa mem-

pertingkatkan perkhidmatan kepada pihak industri khususnya kepada penanam sawit dan pekebun kecil bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan,” katanya.

Dr Kushairi berkata, sawit dan segala perkara berkaitan dengannya amat dekat di hati MPOB, justeru agensi itu ingin berkongsi semangat bersama semua dalam program seperti Negaraku Sawitku yang menjadi platform terbaik untuk mencapai objektif ini.

Sementara itu, Pengetua SMK Convent (M) Kajang, Khuzaimah Zakaria dalam ucapan aluannya berkata, beliau berbesar hati apabila sekolahnya dipilih MPOB untuk penganjuran Program Negaraku Sawitku.

“Program seperti ini amat dialu-alukan bagi mencungkil bakat pelajar, sekali gus membawa pelajar mengenali industri sawit dengan lebih dekat.

“Pelbagai aktiviti dianjurkan dalam Program Negaraku Sawitku yang menggalakkan pembabitatan guru, ibu bapa dan pelajar dalam membawa golongan ini meneroka kehebatan industri sawit serta kelebihan minyak sawit berbanding minyak lain,” katanya.

Pada program yang berlangsung



Dr Kushairi menanam anak pokok sawit pada Program Negaraku Sawitku di SMK Convent (M) Kajang.

separuh hari itu, MPOB mengatur demonstrasi masakan oleh cef selebriti, Angah Raja Lawak yang memasak secara santai menggunakan produk berasaskan sawit.

MPOB juga menganjurkan lima pertandingan utama sempena program itu seperti Pertandingan Masakan Citarasa Sawit, Pertandingan Eksplorasi Sawit, Pertandingan Mewarna, Pertandingan Melukis Poster dan Pertandingan Sayembara Sawit.

Pertandingan yang diadakan itu

mendapat sambutan baik pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah sekitar Kajang.

Yang turut hadir pada majlis perasmian Program Negaraku Sawitku, Yang Dipertua PIBG SMK Convent (M) Kajang, Dr Kamarul Zaman Nordin; Yang Dipertua PIBG SK Convent (M) Kajang, Amirul Helmi; Timbalan Ketua Pengarah (R&D) MPOB, Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir serta wakil Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat, Azrul Mohd Yusof.



# Seminar antarabangsa fitonutrien promosi tokotrienol sawit di AS

➔ MPOB turut kongsi maklumat teknikal, hasil penyelidikan serta manfaat kepada kesihatan

Oleh Mohd Fairus  
Mohd Hidzir  
fairus@mpob.gov.my

Washington DC: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menganjurkan Seminar Antarabangsa Fitonutrien di Boston, Amerika Syarikat baru-baru ini, sejajar dengan strategi organisasi itu yang giat mempromosi hasil bernilai tinggi daripada produk sawit Malaysia. Seminar antarabangsa yang diadakan kali keempat tahun ini dianjurkan kali pertama pada 2010 sebaik sahaja tokotrienol sawit iaitu sejenis vitamin E mendapat status *generally recognized as safe* (GRAS) daripada US-Food and Drug Administration (FDA) pada April 2010.



Rosidah membuat pembentangan pada Seminar Antarabangsa Fitonutrien di Boston, Amerika Syarikat.

Berikutan itu, MPOB melipatgandakan usaha promosi teknikal berkaitan tokotrienol sawit dengan menyebarkan maklumat teknikal, hasil penyelidikan berkaitan yang turut dijalankan di beberapa universiti terkemuka di Amerika Syarikat.

Selain tokotrienol sawit yang didapati banyak memberi manfaat kesihatan kepada pengguna, minat terhadap fitonutrien sawit yang

lain juga semakin meningkat berikutan penemuan positif hasil penyelidikan saintifik yang dijalankan.

## Promosi fitonutrien

Seminar antarabangsa fitonutrien sawit ini bukan sahaja memberi tumpuan kepada tokotrienol, bahkan turut mempromosi fitonutrien yang lain seperti fenolik sawit.

Seminar fitonutrien sawit kali ini

yang diadakan turut memabitkan pembentang dari universiti terkemuka di Boston seperti Massachusetts Institute of Technology (MIT), Brandeis University dan Harvard Medical School.

Hasil kajian fitonutrien sawit yang dijalankan institusi pengajian tinggi berkaitan dibentangkan empat pakar dari universiti terbabit pada seminar ini.

Tiga pembentang daripada

MPOB membentangkan penemuan hasil penyelidikan berkaitan fitonutrien sawit di Malaysia termasuk Pengarah Pembangunan Produk Khidmat Nasihat MPOB, Rosidah Radzian.

Beliau membentangkan perkembangan terkini penyelidikan fitonutrien di MPOB dan memaklumkan kepada peserta berkaitan pewartaan tokotrienol sebagai nutrisi tambahan di bawah Jadual Dua Belas-Peraturan 2016 (Akta Makanan Malaysia) pada Mac lalu.

Pembentang lain termasuk pakar dari Wayne State University, Ohio State University dan Born Naturapathic Associates Inc. serta wakil industri sawit dari Malaysia yang juga antara pengeluar utama tokotrienol.

Seminar kali ini turut memuatkan sesi perbincangan berkaitan hala tuju dan strategi bakal dilaksanakan MPOB bagi memastikan fitonutrien sawit ini diterima dan diperakui agensi berkaitan termasuk US-FDA.

Ketika di Boston, delegasi MPOB turut melawat Brandeis University dan Harvard Medical School bagi membincangkan perkembangan penyelidikan fitonutrien sawit yang dijalankan di universiti berkenaan.

# Pakar kesihatan, pemakanan kongsi pengalaman di China

Oleh Yoong Jun Hao  
jhyoong@mpob.gov.my

Xiamen: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Kesatuan Pakar Pemakanan Xiamen bekerjasama menganjurkan Forum Kesihatan dan Pemakanan Minyak Sawit ke-8 di Crown Plaza Paragon Hotel di Xiamen, Wilayah Fujian, China pada 26 Oktober lalu.

Forum dihadiri lebih 85 pakar pemakanan dan kesihatan, pensyarah Xiamen University dan penggiat industri tempatan dirasmikan Konsul Jeneral Malaysia di Guangzhou, Mu-zambli Markam.

Majlis turut dihadiri Pengarah Ba-

hagian Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat MPOB, Rosidah Radzian; Timbalan Presiden Xiamen University, Prof Ye Shiman dan Presiden Kesatuan Pakar Pemakanan Xiamen, Wang Lei Jun.

Penganjuran forum ini bertujuan menyebarkan maklumat terkini mengenai minyak sawit dan meyakinkan pengguna di China berhubung kebaikan pemakanan yang terdapat dalam minyak sawit.

## Pakar berkongsi pandangan

Forum ini memberi ruang kepada pakar bertukar pandangan dari segi teknikal mengenai isu pemakanan minyak sawit dan membincangkan kebaikan minyak sawit terhadap kesihatan.



Peserta membabitkan pakar pemakanan dan kesihatan yang menghadiri forum di Xiamen, China.

Ye Shiman dalam ucaptamanya berkata, forum ini penting untuk saling bertukar pandangan dan maklumat terbaru mengenai minyak sawit di antara pakar di Xiamen.

Katanya, Xiamen University akan terus memberi sokong penuh kepada MPOB dalam penganjuran forum seumpama ini.

Xiamen University adalah univer-

siti China yang pertama mendirikan kampus di Malaysia, sekali gus menjadi tanda persahabatan di antara Malaysia dan China.

Rosidah ketika membentangkan kertas kerja mengenai kajian pemakanan dan kebaikan minyak sawit dalam makanan pula berkata, berdasarkan kajian terbaru, minyak sawit adalah selamat dimakan dan ke-

sannya terhadap tahap kolesterol adalah sama dengan minyak zaitun.

Susulan itu katanya, minyak sawit juga seumpama 'minyak zaitun tropikal'.

Sebanyak tujuh kertas kerja dibentangkan ketika forum ini yang merangkumi pelbagai aspek pemakanan bagi minyak sawit Malaysia.



# MPOC selar Pelan Tindakan EU tidak adil



➔ Diskriminasi terhadap cabaran dihadapi pekebun kecil dan petani di seluruh dunia

## KEISTIMEWAAN SAWIT

Tanaman sawit memberi pelbagai kebaikan yang tidak ternilai. Kepada alam sekitar. Kepada kesihatan. Kepada kehidupan. Kepada ekonomi.

Pokoknya mengeluarkan oksigen untuk hidupan dan membendung pemanasan global. Buahnya memberi vitamin dan tenaga. Industri sawit Malaysia turut menyumbang kepada kehidupan jutaan penduduk di seluruh dunia, di samping menjana ekonomi negara dan juga dunia.

Ia adalah lebih dari sekadar minyak sayuran. Ianya merupakan anugerah alam semulajadi untuk kehidupan.

Minyak Sawit Malaysia  
*Khasiat Sejati. Anugerah Alam Semulajadi.*



**M**ajlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) menentang Pelan Tindakan sehalah yang dicadangkan Kesatuan Eropah (EU) terhadap penyahhutan dan menegaskan inisiatif global itu tidak praktikal untuk dilaksanakan secara sehalah bagi meningkatkan perdagangan barangan mampan.

Pelan Tindakan itu adalah diskriminasi terhadap cabaran dihadapi pekebun kecil dan petani di seluruh dunia, termasuk dari negara pengeluar sawit seperti Malaysia.

Malaysia adalah negara pertama di dunia yang mempersijilkan kemampanan minyak sawit keluarannya.

Menerusi program mandatori ini, semua pengeluar minyak sawit Malaysia diwajibkan mendapatkan persijilan mampan menjelang 1 Januari 2020. Dengan persijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO), proses penuaian dan pengangkutan akan dapat dikesan.

Ini memberi pengimport dan pengguna jaminan mereka mendapat minyak sawit tulen, boleh dipercayai dan bukan diubah suai secara genetik (GMO).

### Pensijilan MSPO beri nilai tambah

Pensijilan MSPO merangkumi semua aspek pengeluaran minyak sawit, dari ladang hingga ke produk akhir yang memberi nilai tambah kepada teknik penanaman dan pemprosesan.

Pensijilan MSPO bukan setakat melindungi hutan dan hidupan liar, malah menjamin pendapatan setiap pekerja terbabit dalam industri ini merangkumi lebih 400,000 keluarga pekebun kecil.

Ini termaktub dalam prinsip umum dan menjadi kriteria ketat bagi semua pihak yang terbabit dalam pengeluaran minyak sawit.

Pelan Tindakan EU bercadang mengenakan cukai import lebih tinggi kepada pekebun kecil yang masih belum mendapat persijilan mampan meskipun mereka mengikuti proses penanaman secara mampan.

Masih dalam bentuk draf, Pelan Tindakan EU menjadi satu usaha untuk menangani kemusnahan hutan secara berterusan akibat pengeluaran komoditi serta degradasi hutan di kawasan tropika.

Pelan Tindakan itu bercadang merendahkan duti import bagi komoditi dihasilkan secara mampan dan menekankan keperluan untuk membezakan minyak sawit dikeluarkan secara mampan berbanding minyak sawit dikeluarkan secara tidak mampan.

Isu ini amat kontroversi kerana ia memberi tumpuan kepada 'produk

berbanding proses'.

Mengenakan tarif lebih tinggi kepada pengeluar minyak sawit yang belum mendapat persijilan akan memberi impak negatif kepada pendapatan pekebun kecil di Malaysia, yang sememangnya menggunakan kaedah mampan dalam penanaman sawit tetapi masih belum mendapat pensijilan.

MPOC mendapati draf berkenaan memberi tumpuan kepada tiga komoditi berisiko kepada hutan, yang mana piawaian pensijilan sangat rendah - daging lembu, jagung dan getah asli.

Sebaliknya, industri minyak sawit sudah tertakluk kepada piawaian kemampan yang dilaksanakan secara sukarela dan mandatori.

Langkah mengenakan piawaian kemampan yang sama kepada setiap komoditi menjadi langkah mundur yang keterlaluan dan memakan masa. Proses inkubasi skim persijilan untuk produk yang sudah mempunyai beberapa skim sama adalah keterlaluan, malah tidak sesuai.

Adalah lebih penting untuk menyerlahkan nilai pekebun kecil tempatan dan kesan ekonomi yang positif daripada industri perhutanan yang seimbang dengan keperluan untuk meningkatkan kemampan.

Bagaimanapun, pertimbangan sama harus diberikan kepada pekebun kecil dari negara dunia ketiga seperti apa yang diperjuangkan petani di EU.

### Insentif kepada barangan dikeluarkan

Program bertujuan memberi insentif kepada barangan dikeluarkan secara mampan haruslah membatik barangan berkenaan sahaja dan tidak menghukum pekebun kecil yang belum mendapat persijilan sepenuhnya.

Proses pensijilan akan mengambil masa dan memerlukan dana yang besar, justeru, pendekatan sehalah untuk menentukan kriteria kemampan adalah tidak adil.

Sebaliknya, EU dan negara pengeluar harus bersatu serta menghasilkan kriteria yang praktikal kepada industri terbabit, selain meningkatkan kemampan proses pengeluaran.

Kerajaan Malaysia sudah memperuntukkan RM55 juta untuk membantu pekebun kecil, yang selama ini mematuhi amalan pertanian mampan untuk memperoleh pensijilan MSPO sebelum 31 Disember 2019.

✉ **Sumber:** <http://www.palmoil-health.org/news/general/malaysian-palm-oil-council-says-eu-action-plan-unfair/>

**Fakta  
nombor**

**400,000**  
PEKEBUN

pekebun kecil

**RM55**  
JUTA

peruntukan kerajaan bantu pekebun kecil



# Pensijilan MSPO jamin penghasilan minyak sawit berkualiti

Pada era globalisasi ini, peratusan permintaan minyak sawit yang berkualiti semakin meningkat saban tahun. Hal ini kerana minyak sawit merupakan tanaman yang semula jadi menghasilkan vitamin A dan E. Fungsi utama vitamin A adalah membina pigmen pada retina mata untuk penglihatan yang jelas pada waktu malam manakala vitamin E bertindak sebagai anti pengoksidaan bagi asid lemak tepu.

Oleh itu, pihak kerajaan giat memajukan minyak sawit dengan memperkenalkan pensijilan MSPO untuk para pekebun kecil mengembangkan industri minyak sawit ke peringkat antarabangsa.

Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) merupakan inisiatif Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) untuk menggalakkan pekebun kecil menjalankan operasi penanaman yang berteraskan sawit. Usaha yang dilakukan kerajaan adalah untuk membangunkan industri sawit dari aspek pengeluaran, penghasilan minyak sawit yang berkualiti dan mampan. Jika ditelusuri MSPO memberi banyak manfaat dari segi urusan niaga, persaingan pasaran dan pendapatan yang lumayan selain meningkatkan produktiviti dan kualiti buah sawit.

Justeru, MPIC yang diterajui Datuk Seri Mah Siew Keong telah memuluskan untuk memudahkan dan membantu 650,000 pekebun kecil dari sektor ladang dan pemprosesan dengan mengurangkan kos untuk memperoleh pensijilan MSPO.



**PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH**

**Suhaila Mohd Sopi**  
SMK Kampong Perak, Batu Kurau, Perak

Contoh sektor ladang dan pemprosesan adalah ladang, kilang sawit, kilang penapis dan kilang pelumat. Setakat ini, kawasan berjumlah 245,381 hektar telah diluluskan untuk menerima sijil MSPO. Pihak MPIC begitu yakin bahawa pensijilan MSPO dapat membantu minyak sawit di negara kita menerjah ke pasaran antarabangsa.

Kerajaan telah mewariskan pensijilan MSPO harus dilaksanakan secara mandatori berkuatkuasa pada 31 Disember 2019 agar pekebun kecil mematuhi undang-undang yang termaktub. Secara amnya, bermula pada tahun 2020 semua minyak sawit yang dihasilkan hendaklah menepati standard pensijilan MSPO. Usaha kerajaan yang progresif untuk melaksanakan pensijilan MSPO merupakan platform untuk pekebun kecil bagi menerima pelbagai aspek latihan, yuran audit pensijilan MSPO, penyediaan para-

latan dan perlindungan keselamatan diri secara percuma.

Secara umumnya, pensijilan MSPO mempunyai objektif yang utama bagi memastikan harga buah tandan segar (BTS) lebih produktif untuk pekebun kecil yang menjalankan Amalan Pertanian Baik (GAP). Amalan Pertanian Baik (GAP) merupakan inisiatif kerajaan untuk mengelakkan pekebun kecil menggunakan racun serangga yang berbahaya agar proses penanaman sawit semakin cepat. Dalam pensijilan MSPO, para pekebun kecil tidak dibenarkan menggunakan racun serangga selain menggunakan baja organik yang mesra alam. Oleh itu, MSPO merupakan usaha kerajaan untuk meletakkan minyak sawit pada satu tahap piawaian supaya produk ini dikagumi dan diiktiraf dunia.

Di samping itu, MPIC dan MPOB sedang giat menjalankan siri jelajah untuk memberi penerangan tentang keperluan tenaga kerja dan insentif kerajaan dalam melahirkan pekerja mahir dan separa mahir di sektor komoditi sawit.

Pengambilan tenaga kerja haruslah menepati kriteria yang bersesuaian agar penanaman sawit kekal tumbuh segar. Pensijilan MSPO merupakan langkah terbaik untuk para pekebun kecil menggunakan tenaga kerja produktif sama ada dari luar negara atau warga tempatan.

Kesimpulannya, kualiti minyak sawit yang tinggi menjamin industri sawit untuk meningkatkan nilai dagangan dengan pelabur luar negara.

# Pensijilan MSPO menjamin minyak sawit Malaysia diiktiraf pasaran global

Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) merupakan usaha berterusan oleh industri sawit negara ini bagi memperkasa kemampuan komoditi tersebut. Piawaian kebangsaan yang diperakui pada peringkat antarabangsa ini dibentuk bertunjangan asas-asas kemampuan terdiri daripada insan, planet, dan ikhtisas yang masing-masing mewakili tanggungjawab sosial dan alam sekitar selain kepentingan keuntungan.

Rancangan pensijilan MSPO menggariskan tujuh prinsip termasuk memperkukuh komitmen terhadap usaha menguruskan dan melestarikan alam sekitar, memenuhi tuntutan perundangan, meningkatkan hasil perolehan minyak sawit, mengurangkan kos pengeluaran, menitikberatkan kebajikan pekerja, memajukan mutu pengeluaran, dan menjamin keselamatan keluaran makanan menggunakan minyak sawit.

Kesemua aspek ini dikecualikan dari pencetuskan kesan langsung terhadap tahap keupayaan, pencapaian, dan reputasi industri sawit bagi mencapai kemampanan secara tuntas.

Justeru, proses pensijilan MSPO melibatkan segenap segi industri sawit daripada sektor perladangan dan golongan pekebun hingga sektor pemprosesan meliputi kilang sawit, kilang penapis, dan kilang pelumat.

Hal ini sejajar dengan matlamat penjenamaan minyak sawit Malaysia yang premium dan diteri-



**PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM**

**Khor Cheng Seong**  
Setapak, Kuala Lumpur

ma pakai di pasaran antarabangsa.

Skim MSPO juga membentuk sebahagian daripada strategi untuk menangani beberapa isu berkaitan dengan kesan industri sawit terutamanya mengenai kelestarian alam sekitar dan keprihatinan terhadap pembangunan sosio-ekonomi.

Skop MSPO mencakupi piawaian menyeluruh bagi industri sawit termasuk untuk menangani pertikaian yang sebahagiannya berupa spekulasi, tohmahan, dan tuduhan tanpa asas kukuh yang telah dilemparkan beberapa buah badan buka kerajaan (NGO) antarabangsa sejak dekad 1990-an lagi.

Antara perkara yang dibangkitkan dalam konteks ini ialah risiko penyahhutan, penyusutan biodiversiti, kehilangan peranan ekologi, dan pelanggaran hak penduduk peribumi.

Dari segi penguatkua-

saan khususnya bagi memelihara, memulihara, dan mengurus alam sekitar, MSPO ialah inisiatif oleh kerajaan Malaysia menerusi Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) dengan kerjasama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sebagai lanjutan daripada Kod Amalan MPOB (CoP) dan Panduan Pengeluaran Mampan Minyak Sawit yang telah diguna pakai secara meluas oleh penggiat industri sawit tempatan sejak 2007.

Program MSPO telah diperkenalkan pada tahun 2015. Pada mulanya, pensijilan tersebut dilaksanakan atas dasar sukarela iaitu para pengusaha sawit bebas memilih untuk memperoleh perakuan tersebut. Kini, kerajaan Malaysia melalui Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) mengumumkan bahawa MSPO akan dimandatorikan menjelang akhir 2019.

Peraturan ini bermakna bahawa industri sawit Malaysia akan dipersijilkan sepenuhnya di bawah MSPO bermula dari tahun keramat 2020. Suatu hal yang wajar ditegaskan ialah pensijilan MSPO turut mengambil kira keadaan, keperluan, dan tuntutan golongan pekebun kecil persendirian. Hakikatnya, kumpulan yang terdiri daripada hampir 650,000 orang ini menyumbang kira-kira 40 peratus daripada jumlah keluasan kawasan penanaman sawit di Malaysia, maka peranan mereka amat bererti dan penting terhadap industri ini.

## PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT NOVEMBER 2017

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

**Kategori 1:**  
Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)  
**Tajuk:** 'Koperasi Penanam Sawit Mampan bantu pekebun kecil tingkat pendapatan. Bincangkan'.

**Kategori 2:** Awam  
**Tajuk:** 'Pekebun kecil memainkan peranan penting dalam perkembangan industri sawit negara. Bincangkan'.

Tiga pemenang utama setiap kategori akan menerima;  
 ◎ Hadiah Pertama: **RM250**  
 ◎ Hadiah Kedua: **RM200**  
 ◎ Hadiah Ketiga: **RM150**

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam *Berita Sawit* keluaran bulan DISEMBER 2017 akan datang.

## Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Oktober 2017

**PEMENANG KATEGORI 1**  
Pelajar Sekolah Menengah

**Hadiah Pertama**  
Suhaila Mohd Sopi  
SMK Kampong Perak  
Batu Kurau, Perak

**Hadiah Kedua**  
Siti Zulaikha Mohd Zahari  
SMK Kampong Perak  
Batu Kurau, Perak

**Hadiah Ketiga**  
Tiada pemenang

**PEMENANG KATEGORI 2**  
Awam

**Hadiah Pertama**  
Khor Cheng Seong  
Setapak, Kuala Lumpur

**Hadiah Kedua**  
Sarah Adilah Salleh  
Rawang, Selangor

**Hadiah Ketiga**  
Ainur Iliani Ahmad Ridzuan  
Bukit Mertajam,  
Pulau Pinang

## Syarat Penyertaan

- ◎ **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.
- ◎ **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas.
- ◎ Bukan kakitangan MPOB.
- ◎ Panjang esei antara 500 - 700 patah kata.
- ◎ Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan sertakan sekeping gambar ukuran passport.
- ◎ Keputusan juri adalah muktamad.
- ◎ Tarikh tutup penyertaan ialah pada 20 November 2017.
- ◎ Hantarkan penyertaan ke alamat:  
**Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB**  
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor  
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)





**Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong** bersama Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datuk K. Yogeessvaran; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) MPIC, Toisin Gantor; Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din; dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC), Mohd Solah Deraman pada majlis penutup 'Roadshow' Seminar Keperluan Latihan Kemahiran Dalam Memperkasakan Modal Insan di Sektor Komoditi Sawit di Teluk Intan, Perak.



**Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen Pensiangan, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup** melawat pameran MPOB sempena program Hello Sawit Pensiangan, Sabah.



**Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur** bersama para pengunjung Hello Komoditi Lahad Datu, Sabah. Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr. Ahmad Parveez Ghulam Kadir.



**Datuk Datu Nasrun Datu Mansur** bersama Pengerusi MPOB, **Datuk Seri Ahmad Hamzah** dan pekebun kecil yang menghadiri majlis perasmian Pusat Timbang Koperasi Penanam Sawit Mampam (KPSM) Daerah Tongod Sabah Berhad, di Sandakan, Sabah.



**Dr. Ahmad Kushairi Din** bersama pemenang pertandingan masakan citarasa sawit yang diadakan sempena program Negaraku, Sawitku di SMK Convent (M) Kajang, Selangor.